



**KENYATAAN AKHBAR
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Rabu, 11hb Oktober 2023, 3.30 petang
Dewan Setia Pahlawan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Bandar Seri Begawan, 11 Oktober 2023 - Penyampaian sijil kepada seramai 8 orang yang telah lulus pemeriksaan secara teori dan pratikal bagi kursus Asas Pemandu Pelancong telahpun diadakan pada 11hb Oktober 2023 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Yang Mulia Hajah Tutiatty binti Awang Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kursus Asas Pemandu Pelancong kali ke-13 ini telah dikendalikan selama 10 hari bermula 11hb September 2023 hingga 20hb September 2023. Kursus ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 yang mana ianya merupakan sebagai salah satu pra syarat Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mana-mana individu yang ingin mendapatkan lesen Pemandu Pelancong di Negara ini. Sejak kursus ini mula diperkenalkan, seramai 199 orang pemandu pelancong yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengikuti kursus asas pemandu pelancong yang dikendalikan secara kerjasama di antara pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dan pihak *Laksamana College of Business*, iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Kursus Asas Pemandu Pelancong ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran seorang pemandu pelancong dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan, menyelaras maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul serta membuka peluang-peluang perkerjaan yang boleh dimanafaatkan oleh penduduk tempatan khususnya di kalangan belia-belia di Negara ini.

Peserta kursus ini telah didedahkan terhadap teknik-teknik kemahiran asas praktikal dan teori tentang tatacara sebagai pemandu pelancong, pengenalan destinasi-destinasi utama pelancongan dan tempat-tempat menarik serta pengenalan berhubung industri pelancongan di Negara ini.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas Pemandu Pelancong, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber – Sumber Utama dan Pelancongan bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong. Mana-mana individu yang belum berdaftar dan belum mendapatkan lesen Pemandu Pelancong adalah menjadi satu kesalahan jika didapati mengendalikan perkhidmatan Pemandu Pelancong tanpa lesen yang sah atau mengiklankan/menawarkan perkhidmatan pelancongan persendirian boleh dikenakan denda mengikut Seksyen 20(3) Akta Pelancongan, Penggal 239 iaitu bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi \$5,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi \$10,000.



Kerjaya profesion sebagai Pemandu Pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam sektor pelancongan di Negara ini. Maka adalah penting bagi setiap Pemandu Pelancong yang berlesen memainkan peranan dan tugas yang penting dalam memastikan maklumat yang ingin disampaikan adalah tepat dan mudah di fahami. Melalui perkhidmatan yang kompeten dan profesional setentunya akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan selain daripada menjaga kualiti dan imej pelancongan di negara ini.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi pemandu pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan. Pendaftaran kursus akan dibukakan bagi penyertaan orang ramai dan kursus seterusnya akan diadakan pada bulan Februari 2024. Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah menghubungi *Laksamana College of Business*.

- **Tamat** -

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan